

PENGGUNAAN GAMBAR DIGITAL DALAM KALANGAN GURU PELATIH SEJARAH SEMASA LATIHAN MENGAJAR

THE IMPLEMENTATION OF DIGITAL PICTURE
AMONG HISTORY TEACHER TRAINEES IN TEACHING LEARNING PROCESS

Shakila Che Dahalan ¹
Nor Hashimah Hashim ²

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menerokai penggunaan gambar digital dalam kalangan guru pelatih opsyen Sejarah dan mengenal pasti jenis gambar digital yang digunakan oleh guru pelatih. Kajian ini merupakan kajian kes yang menggunakan kaedah kualitatif melibatkan pemerhatian dan analisis dokumen. Peserta kajian dipilih menggunakan sampel bertujuan melibatkan dua orang guru pelatih. Guru pelatih tersebut merupakan pelajar opsyen sejarah di tahun empat Program Ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Pendidikan daripada Universiti Sains Malaysia. Peserta kajian diperhatikan dalam tempoh menjalani latihan mengajar di sekolah menengah sekitar Pulau Pinang. Data pemerhatian dianalisis secara deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan peserta kajian menggunakan gambar potret, gambar kartun dan gambar manuskrip semasa mengajar. Selain itu, guru berkemahiran baik dalam memaksimumkan penggunaan gambar digital semasa mengajar. Tambahan pula, analisis dokumen turut menyokong dapatan kajian ini. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dapat membantu guru pelatih mempelbagaikan teknik pengajaran semasa proses pembelajaran dan pengajaran.

Kata kunci: Gambar Digital, Guru Pelatih Sejarah

ABSTRACT

A study to explore the implementation of digital picture among history teacher trainees was carried out. This study is a case study which employed qualitative method using observation, interview and document analysis. The participants were selected using purposive sampling which involved four teacher trainees who were in their fourth year of Bachelor of Arts in the education program from University of Sains Malaysia. These participants were observed and interviewed while undergoing their practicum in secondary schools around Penang. Both observation and interview data were

¹ Penyelidik, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 18000 Minden, Pulau Pinang, Tel: +60194708385 E-mail: shimah@usm.my

² Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, 18000 Minden, Pulau Pinang, Tel: +60124756462 E-mail: shimah@usm.my

analyzed descriptively. The research findings reveal that implementation of digital picture by the teacher trainees can encourages exploration of evidence and interpretation skills students. In addition, the interview and document analysis support this finding. This study provides an overall picture of the implementation digital picture by teacher trainees who emphasized on certain skills. The implication of this study indicate the use of various technology method which assist teacher trainees to implement frequently various thinking skills in teaching learning process.

Keywords: Digital Picture, History Teacher Trainees

2016 GBSE Journal

PENGENALAN

Perkembangan pesat dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) atau *Information and Communicaton Technology* (ICT) telah memberikan kesan kepada pelbagai aspek kehidupan, termasuklah pendidikan. Kini, masyarakat semakin celik TMK dan dapat berhubung, berkomunikasi dan berkongsi maklumat dengan mudah melalui Skype, Twitter, Facebook (Rosen, 2012). Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mempertingkatkan latihan penggunaan komputer dalam pengajaran di Institusi Pendidikan Guru untuk semua mata pelajaran termasuk Sejarah agar semua guru pelatih yang dilahirkan mampu menggunakan dan mengintegrasikan TMK dengan baik. Dengan itu, sepanjang tempoh latihan perguruan kesemua guru pelatih dilatih supaya cenderung dan mahir mengintegrasikan TMK dalam pengajaran dan pembelajaran mereka (Rosnani Hashim, 2012).

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian melibatkan kajian kes menggunakan kaedah kualitatif. Dua instrumen digunakan, iaitu pemerhatian dan analisis dokumen. Pemilihan peserta kajian dibuat menggunakan sampel bertujuan. Peserta kajian ini melibatkan dua orang guru pelatih yang sedang menjalani latihan mengajar di sekitar Pulau Pinang. Pengumpulan data dijalankan menggunakan kaedah pemerhatian, analisis dokumen dan penyelidikan merupakan salah satu instrumen utama dalam kajian. Data yang dikumpulkan dianalisis secara deskriptif untuk menjawab soalan kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian melalui pemerhatian menunjukkan bahawa dua orang peserta kajian yang diberi nama samaran Anis dan Bienda menggunakan gambar digital dalam pengajaran Sejarah. Penggunaan gambar digital oleh peserta kajian adalah dalam topik pengajaran seperti Jadual 1.

Jadual 1 Penggunaan Gambar Digital oleh Peserta Kajian

Guru	Penggunaan Gambar Digital		
	Pemerhatian 1(P1)	Pemerhatian 2 (P2)	Pemerhatian 3 (P3)
	Topik Pengajaran		
Anis	Kerajaan Islam di Madinah : Perjanjian Aqabah Pertama dan Perjanjian Aqabah Kedua	Kerajaan Islam di Madinah : Penyebaran Islam	Kerajaan Islam di Madinah : Piagam Madinah
Bienda	-	-	Kemunculan Tamadun Islam dan Perkembangannya di Makkah: Penyebaran Islam di Makkah

Anis menggunakan gambar digital sepanjang ketiga-tiga pemerhatian melibatkan tiga topik pengajaran Sejarah Tingkatan Empat, iaitu Kerajaan Islam di Madinah: Perjanjian Aqabah Pertama dan Perjanjian Aqabah Kedua, Penyebaran Islam dan Piagam Madinah. Penggunaan gambar digital oleh Anis dikesan dalam pemerhatian pertama ditunjukkan melalui gambar dua jari yang saling berpaut antara satu sama lain bagi menggambarkan satu perjanjian. Dalam pemerhatian kedua, Anis menunjukkan gambar seorang lelaki Arab sebagai set induksi beliau. Semasa set induksi Anis meminta murid menganalisis gambar seorang lelaki Arab dari segi rupa, bentuk fizikal dan penampilan "...cuba kita lihat gambar ini...persoalannya...siapakah orang ini?...(P2/A-1). Kemudian, Anis memperkenalkan tajuk pada hari tersebut, iaitu ciri-ciri kerajaan Madinah dan penduduk Arab. Seterusnya, penggunaan gambar digital dikesan dalam pemerhatian ketiga. Anis telah menunjukkan gambar digital manuskrip Piagam Madinah yang diperoleh melalui sumber internet. Gambar ini Anis gunakan sebagai bukti Sejarah. Petikan di bawah menunjukkan penggunaan gambar digital oleh Anis dalam ketiga-tiga topik pengajaran melalui pemerhatian pertama (P1), pemerhatian kedua (P2) dan pemerhatian ketiga (P3).

P1	Jadi sebenarnya, cikgu tunjuk <u>gambar tangan simbol berjanji</u> ni sebab hari ini topik kita berkaitan dengan janji, iaitu perjanjian Aqabah. (P1/A-1)
P2	...cuba kita lihat <u>gambar ini...</u> (seorang lelaki Arab) persoalannya..siapa orang ini?...(P2/A-1) Simbol apakah ini? (sambil bergerak ke gambar bulan sabit dan bintang)...(P2/A-2)
P3	Hari ini kita akan belajar kandungan Piagam Madinah dan Kepentingan Piagam Madinah. Kamu boleh lihat ini <u>Manuskrip Piagam Madinah</u> . (P3/A-1)

Pemerhatian di dalam kelas disokong dengan maklumat daripada analisis dokumen, iaitu perancangan mengajar dalam buku rekod mengajar. Anis mencatatkan penggunaan gambar digital dalam ketiga-tiga dokumen melibatkan tiga topik pengajaran Sejarah Tingkatan Empat, iaitu Kerajaan Islam di Madinah: Perjanjian Aqabah Pertama dan Perjanjian Aqabah Kedua, Penyebaran Islam dan Piagam Madinah. Penggunaan gambar digital oleh Anis dicatatkan dalam dokumen pertama (D1), dokumen kedua (D2) dan dokumen ketiga (D3). Perincian rekod oleh Anis seperti berikut:

Jadual 2 Analisis Dokumen Penggunaan Gambar Digital oleh Anis

	Langkah	Rekod Mengajar Guru
D1	Induksi Set (3 minit)	'Guru menayangkan <u>gambar</u> jari berkait. Guru menyoal untuk mendapatkan reaksi murid. Apakah yang murid fikirkan? (D1/A-1)
D2	Induksi Set	Guru menunjukkan <u>gambar Raja Abdullah</u> pemerintah Mesir.
D3	Langkah 1 (10 minit)	Guru memberi penerangan tentang Piagam Madinah secara ringkas. Guru menunjukkan <u>gambar manuskrip Piagam Madinah</u> kepada murid. (D3/A-1)\

Secara keseluruhan sepanjang pemerhatian terhadap Anis, beliau menulis dalam rancangan pengajaran hariannya penggunaan gambar digital, iaitu gambar jari berkait, gambar Raja Abdullah dan gambar manuskrip Piagam Madinah dalam langkah induksi set dalam ketiga-tiga dokumen 1(D1), dokumen 2 (D2) dan dokumen 3 (D3). Perancangan rekod mengajar harian Anis selari dengan pelaksanaan Anis dalam pemerhatian 1 (P1), pemerhatian kedua (P2) dan pemerhatian ketiga (P3).

Seterusnya, peserta kajian yang bernama Bienda. Bienda menggunakan gambar digital dalam pemerhatian ketiga (P3) dalam topik pengajaran Sejarah Tingkatan Empat, iaitu Kemunculan Tamadun Islam dan Perkembangannya di Makkah: Penyebaran Islam di Makkah. Penggunaan gambar digital oleh Bienda dalam pemerhatian ketiga dikesan apabila beliau menunjukkan enam keping gambar kartun yang telah disusun mengikut urutan dalam persembahan Power Point. Bienda meminta murid mentafsirkan kandungan gambar dan membina sebuah cerita berdasarkan gambar kartun berkenaan yang beliau tunjukkan di hadapan kelas. "Siapa di antara kamu boleh tafsirkan urutan ini? Ada ke di antara kamu boleh tafsirkan cerita ini." (P3/B-2).

Gambar pertama, menunjukkan seorang lelaki dewasa berserban putih, duduk bersila di hadapan tiga orang lelaki dewasa dan mereka sedang menerima ilmu daripada lelaki berserban putih tersebut. Gambar kedua, menunjukkan lima orang sedang berdiri. Dua orang lelaki dewasa memakai jubah, seorang remaja berpakaian jubah putih, seorang kanak-kanak lelaki dan seorang wanita dewasa yang memakai kain telekung berwarna putih. Dalam gambar ketiga, seorang lelaki dewasa yang sedang mengangkat takbir 'Allah' manakala seorang lelaki berada di belakangnya menunjukkan muka yang marah. Gambar keempat

mempamerkan, sebuah rumah berwarna hitam. Di sebelah rumah tersebut kelihatan dua orang lelaki dewasa sedang senyum dan bersalam. Akhir sekali, gambar seorang lelaki dewasa yang memakai serban putih sedang berdiri di atas bukit yang tinggi manakala ramai orang berada di bawahnya dan mendengar sesuatu daripada lelaki. Kesemua gambar 1 hingga 5 mempunyai jalan cerita. Bienda menggalakkan muridnya membina kronologi maklumat berdasarkan gambar dengan menghubungkaitkan proses penyebaran Islam Agama Islam seperti di bawah.

- Guru: Siapa yang boleh bagi tahu cikgu secara ringkas tadi bagaimanakah proses penyebaran agama Islam di Makkah.
Murid: Cikgu...boleh buka semula tengok gambar.
Murid: Mana boleh cikgu.
Murid: Yang pertama tu cikgu dia menyebarkan secara tertutup. Secara rahsia...Antara ahli keluarga. Sahabat handai dan kaum kerabat nabi. Yang ketiga bapa saudara Nabi sendiri yang menentang Nabi. Yang keempat Nabi telah menyebarkan agama Islam secara terang-terangan. Yang kelima, apa ni....penyebaran secara terang-terangan lah..
Guru: Ok..betul Qistina. Lepas ini baca lagi supaya menjadi dengan lebih lancar.
Murid: Baik cikgu

(P3/B-6)

Pembinaan kronologi maklumat oleh murid melalui hubung kait antara gambar digital yang dipaparkan oleh guru memeriahkan suasana kelas. Murid bukan sahaja menghasilkan cerita melalui gambar digital malah membina komunikasi antara guru dengan murid dan antara murid dengan murid. Perkara yang dilihat dalam pemerhatian ini disokong oleh isi kandungan buku rekod mengajar Bienda. Bienda menulis bahawa beliau menggunakan gambar digital melibatkan satu topik pengajaran Sejarah Tingkatan Empat, iaitu Penyebaran Islam di Makkah. Penggunaan gambar digital oleh Bienda dicatatkan dalam dokumen ketiga (D3). Rekod menunjukkan dalam aktiviti guru, guru menerangkan dengan lebih mendalam tentang penyebaran Islam di Makkah manakala aktiviti murid mencatatkan serta berkomunikasi secara dua hala dengan guru (D3/B-2). Perancangan dalam rekod mengajar harian GB telah dilaksanakan dalam pemerhatian ketiga (P3).

Dapatan ini juga menunjukkan bahawa jenis gambar digital yang digunakan oleh guru pelatih adalah beberapa jenis, iaitu gambar potret, gambar bentuk kartun dan gambar manuskrip.

PERBINCANGAN

Penggunaan gambar digital oleh dua orang guru pelatih menunjukkan mereka berkemahiran baik dalam penggunaan gambar digital semasa mengajar dengan maksimum. Di samping itu, guru pelatih berkeupayaan menggunakan bahan bantu mengajar, iaitu gambar digital untuk mencapai objektif pengajaran. Dapatan ini disokong oleh kajian Hasnisham Khalip (2011) bahawa guru pelatih mampu menunjukkan kemahiran yang baik dalam penggunaan media TMK semasa pengajaran dan pembelajaran mereka. Di samping itu, kajian ini memberikan penanda aras kepada keberkesanan latihan di USM bahawa terdapat guru pelatih yang berupaya menggunakan teknologi dengan baik semasa menjalani latihan mengajar.

Selain itu, kajian ini menunjukkan penggunaan gambar digital di dalam kelas dapat mempelbagaikan teknik pengajaran guru apabila mengajar menggunakan gambar digital. Kajian Rosidayu Sabran (2006) turut menunjukkan penggunaan TMK bukan sahaja dapat memberi keseronokan dengan murid malah meningkatkan prestasi akademik.

KESIMPULAN

Penggunaan gambar digital oleh peserta kajian menunjukkan guru pelatih yang terdiri daripada golongan muda di negara ini sudah berkemahiran dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi seperti penggunaan gambar digital. Penggunaan gambar digital bukan sahaja menarik perhatian murid untuk belajar malah memudahkan guru mencapai objektif pembelajaran murid di dalam kelas. Di samping itu, pendidikan Sejarah bukan sahaja untuk kecerlangan akademik tetapi membentuk generasi yang menyayangi negara ini. Oleh itu, guru pelatih perlu mempelbagaikan dan meningkatkan penggunaan media teknologi semasa mengajar di dalam kelas. Selain itu, guru pelatih perlu memikirkan idea-idea baru semasa menggunakan media teknologi sebagai bahan bantu mengajar agar dapat menghasilkan pembelajaran dan pengajaran yang berkesan.

RUJUKAN

- Abdul Razaq Ahmad et al. (2011). Kurikulum Sejarah Ke Arah Pembentukan Perpaduan Kaum di Malaysia. *Jurnal Pendidikan dan Latihan*, 3(1), 1-19.
- Alias Baba dan Abd Rashid Johar. (2000). Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Alaf Baru dalam Pendidikan Guru Alaf Baru. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Cuban, L. (1986). Teachers and Machines: The Classroom Use of Technology since 1920 dalam Mohd Sobhi Ishak, (2004). Nilai Akademik dalam Laman Web: Satu Analisis Penggunaan WWW dalam persekitaran Pembelajaran di Universiti Utara Malaysia. Sintok: Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden.
- Jurian Long, et al. (2000). Pendidikan dan Latihan Guru Bahasa Alaf Baru. dalam Jamalul Laili Abdul Wahab, Pendidikan Guru Alaf Baru. Bangi: Fakulti Pendidikan UKM.
- Kamarol Baharem Mohd Rom & Eddy Luaran. (2011). Peranan Kepimpinan Guru Mempengaruhi Keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Sejarah dalam Bilik Darjah. Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi. Universiti Malaysia Sabah, 13-14 Jun.
- Keengwe, J. (2007). Faculty Integration of Technology Into Instruction and Students' Perceptions of Computer Technology to Improve Student Learning. *Journal of Information Technology Education*, 6 , 169-180.

- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Mishra, P & Koehler, M. J. (2008). Teachers' Technology Pedagogical Content Knowledge and Learning Activity Types: Curriculum-Based Technology Integration Reframed. *Journal of Research on Technology in Education*, 41(4), 393-416.
- Rosen, L. (2012). Teaching the iGeneration. ASCD Conference on Teaching Excellence, 68(5), 10-15. Retrieved on 29 Januari 2014 from <http://www.ascd.org>.
- Rosnani Hashim. (2012). Memenuhi Aspirasi Kemahiran Berfikir dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 Menerusi Inkuiri dan Pedagogi Filosofiyah dalam Kalangan Guru. Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan IPTA 2012, Universiti Institusi Teknologi Mara, 7-9 Oktober.
- Rozinah Jamaludin. (2007). Internet dalam Pendidikan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Sami Sahin. (2012). Pre-Service Teachers' Perspectives of The Diffusion of Information and Communication Technologies (ICT) and The Effect Of Case-Based Discussions (CBD). *Journal of Computer and Education*, 59(4), 1089-1098.
- Shahril Marzuki et al. (1994). Pendidikan di Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution.
- Tan Soon Yin. (2002). Inovasi Pendidikan: Penggunaan Komputer di Sekolah-Sekolah Pulau Pinang. Tesis Ph.D. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (Tidak diterbitkan).